

03 APR 1997

Gugur

PENGUGURAN HARAM: KUASA KEMENTERIAN KESIHATAN PERLU DITINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Kementerian Kesihatan melalui undang-undang baru yang akan dicadangkan memohon kuasa lebih besar untuk menangani masalah pengguguran haram terutamanya di kalangan remaja, kata menterianya Datuk Chua Jui Meng hari ini.

"Pada masa ini tindakan yang boleh diambil terhadap perbuatan itu agak terhad, kecualilah jika kuasa kementerian ditambah," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Kongres Antarabangsa Pertama Asia mengenai Perubatan Kecemasan yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Menurut beliau Majlis Perubatan Malaysia (MMC) yang mengawal kegiatan doktor di negara ini sering menghadapi masalah berhubung pengguguran kerana kebanyakan doktor mendakwa mempunyai alasan perubatan yang kukuh untuk melakukannya.

Mengikut Kanun Keseksaan, hanya polis diberi kuasa untuk mendakwa mereka yang terlibat dengan kegiatan itu.

MMC juga belum menerima sebarang aduan mengenai kes pengguguran haram manakala tiada tindakan disiplin pernah dikenakan kepada mana-mana doktor, katanya.

"Tidak ada aduan daripada orang ramai. Jika wanita tidak membuat aduan maka ia tidak berlaku," katanya sebagai reaksi kepada laporan akhbar bahawa ramai remaja melakukan pengguguran haram sama ada secara tradisional atau melakukannya di klinik perubatan.

Menurut beliau, doktor yang melakukan pengguguran tanpa alasan kukuh melanggar etika dan perbuatan itu boleh diadukan kepada MMC supaya lesen mereka digantung.

Beliau berkata Kementerian Kesihatan tidak mempunyai pasukan petugas khas untuk mengadakan pemeriksaan mengejut di premis yang disyaki menjalankan aktiviti itu serta tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa mereka yang terbabit.

Presiden Persatuan Traumatologi dan Perubatan Kecemasan Malaysia Dr Abu Hassan Asaari Abdullah berkata "talian kecemasan 911" yang akan mula beroperasi awal tahun depan akan dikendali oleh operator terlatih.

Menurut beliau, operator yang akan dilatih dalam bidang rawatan awal serta memberi nasihat perubatan sewaktu kecemasan itu akan memberitahu pemanggil apa yang perlu dilakukan sementara menunggu bantuan tiba ke tempat kejadian.

Dr Abu Hassan berkata talian 911 itu akan dimulakan di Lembah Klang manakala Hospital Kuala Lumpur pula akan memperkenalkan mekanisme khas yang boleh mengenal pasti kedudukan ambulans yang terdekat dengan tempat kejadian sebelum diarahkan menghantar bantuan. -- BERNAMA

NHD HJ MAI